

30 JUL 2003

Mahathir-Cerai

CERAI MELALUI SMS BUKAN CARANYA, KATA PERDANA MENTERI

PUTRAJAYA, 30 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata mesyuarat mingguan Kabinet hari ini berpandangan bahawa perceraian pasangan Islam tidak sepatutnya dilakukan dengan lafaz cerai melalui perkhidmatan pesanan ringkas (SMS).

"Kabinet memutuskan yang sementara mereka mungkin betul daripada sudut lain, ia bukan cara untuk bercerai," katanya semasa mengulas mengenai keputusan Kabinet terhadap perkara itu.

Dr Mahathir ditemui pemberita selepas menghadiri jamuan tengah hari yang diberikan oleh Datuk Chan Kong Choy kepada anggota Jemaah Menteri di sini sempena pelantikannya sebagai Menteri Pengangkutan menggantikan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pada 15 Julai.

Isu itu hangat diperkatakan berikutan keputusan Mahkamah Rendah Syariah Gombak Timur pada 24 Julai lalu yang mengesah dan mensabitkan perceraian pasangan suami isteri yang dilafazkan melalui SMS pada April lepas.

Dalam ucapannya pada satu majlis di Cyberjaya semalam, Dr Mahathir berkata kemajuan teknologi tidak sepatutnya disalahgunakan termasuk bercerai melalui sistem SMS yang terdapat pada telefon bimbit.

Dr Mahathir berkata demikian merujuk kepada SMS yang dihantar oleh Shamsudin Latif kepada bekas isterinya Azida Fazlina Abdul Latif berbunyi: "Kalau engkau tak keluar dari rumah mak bapak engkau, jatuh talak tiga."

Hakim Syarie Mohamad Fauzi Ismail semasa membuat keputusan berkata lafaz taklik cerai itu sah dan sabit serta gugur talak tiga terhadap Azida.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata perkara itu dibangkitkan sendiri oleh Dr Mahathir pada mesyuarat Kabinet sebelum beliau sempat berbuat demikian.

"Beliau telah memberikan pandangan yang jelas bahawa cerai melalui SMS bukanlah satu budaya atau cara yang kita mahu guna di Malaysia," katanya semasa ditemui di jamuan tengah hari itu.

Shahrizat berkata tindakan sedemikian bukan sahaja satu penghinaan kepada wanita tetapi boleh membawa imej buruk kepada undang-undang Syariah selain melahirkan pandangan serong terhadap lelaki Islam di Malaysia.

"Sebenarnya, kalau kita lihat, lelaki Melayu Islam di negara kita adalah mereka yang mendokong semangat keIslaman. Cuma ada beberapa kerat yang membawa nama tidak baik kepada agama Islam," katanya.

Shahrizat berkata lelaki Islam secara amnya adalah penyayang dan sangat menghormati isteri dan ibu mereka.

"Tetapi hanya kerana satu atau dua kes (perceraian melalui SMS), ia membawa gambaran buruk terhadap keseluruhan mereka," katanya.

Bagi satu soalan, menteri itu berkata beliau tidak mahu berkata siapa yang bersalah tetapi ia hanya "soal tafsiran."

"Kabinet tidak bersetuju dan anda pasti gembira yang PM sendiri yang membangkitkan hal ini sebelum saya dapat membangkitkannya," kata beliau.

-- BERNAMA

MAM PR